

03/10/1998

Jangan musnah kejayaan 20 tahun negara

Bakri Sahid

SEJARAH membuktikan kejayaan Malaysia dalam tempoh hampir 20 tahun dianggap luar biasa yang tidak pernah dimimpikan oleh rakyat.

Daripada soal penentuan waktu Sabah hingga ke Perlis, penggunaan kad perakam waktu, tanda nama sehinggalah soal pembangunan negara ke arah Wawasan 2020 adalah hasil pemikiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tidak seorang pun rakyat Malaysia boleh menafikan kejayaan negara di bawah kepemimpinan beliau.

Krisis politik yang melanda Umno pada 1987 adalah satu gangguan dan halangan besar kepada kepemimpinan Dr Mahathir, namun ia berjaya diatasi dengan sempurna dan akhirnya parti serpihan Melayu Semangat 46 (S46), gagal dan kembali ke pangkuan Umno.

Adalah wajar bagi rakyat keseluruhannya tidak mudah terpengaruh dengan angin perubahan yang cuba dicetuskan oleh segelintir ahli politik yang tidak berpuas hati, semata-mata kerana hendak `menegakkan benang yang basah'.

Apakah kita sanggup menghancurkan semua kejayaan yang dikecapi selama ini hanya semata-mata kerana hendak mempertahankan peribadi seseorang.

Lihatlah saja kerajaan membina lebuh raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), bangunan pencakar langit dan akhirnya menganjurkan Sukan Komanwel yang kedua terbesar di dunia.

Lihatlah juga pembangunan Langkawi dan tidak juga ketinggalan bangunan pendidikan yang tumbuh seperti cendawan dan tidak pernah termimpi oleh kita semua.

Pendek kata, saya tidak nampak ada seorang insan Melayu yang boleh menggantikan tempat Dr Mahathir pada masa kini.